

07 NOV 2001

Asean-Pengganas (Rangkuman)

DR MAHATHIR BERPERANAN UTAMA DALAM MEMUJUK RAKAN-RAKAN ASEAN

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memainkan peranan utama dalam memujuk rakan-rakan Asean untuk merumuskan satu rangka kerja bagi memerangi keganasan yang terus meningkat di rantau.

Para pegawai Asean berkata Dr Mahathir mengutuk keganasan dan serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan semasa Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Asean Ketujuh yang berakhir di sini semalam.

Tanpa pujukan Dr Mahathir dan timbang rasa beliau terhadap orang awam di Afghanistan yang menjadi mangsa, rangka kerja mengenai keganasan yang dirumuskan oleh Asean sudah pasti tidak menyeluruh, kata seorang pegawai yang terlibat dalam mendraf deklarasi itu.

Bagaimanapun, para pemimpin Asean secara kolektif tidak meminta Amerika dengan segera menghentikan pengeboman di Afghanistan, tetapi Malaysia dan Indonesia mengkritik perbuatan Amerika itu.

Malaysia membawa dua isu ke sidang kemuncak itu -- memerangi keganasan dan peningkatan kes-kes HIV/Aids di rantau, selain daripada meningkatkan perdagangan dalam Asean dan integrasi ekonomi bersama China, Jepun dan Korea Selatan.

Selepas tiba di ibu negara Brunei pada Ahad, Dr Mahathir terus ke majlis makan rasmi sidang kemuncak itu yang dianjurkan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dan mengulangi pendirian Malaysia terhadap keganasan dan pengeboman Amerika di Afghanistan.

"Walaupun negara-negara mempunyai pandangan masing-masing dalam kedua-dua isu, beliau berjaya menawan hati pemimpin-pemimpin lain," kata seorang pegawai.

Pada malam yang sama, para pemimpin memperakui Deklarasi Asean 2001 Terhadap Tindakan Bersama Untuk Membanteras Keganasan dan menolak apa-apa percubaan untuk mengaitkan keganasan dengan agama atau bangsa.

Dr Mahathir menjelaskan lagi pendirian Malaysia sekali lagi pada hari berikutnya semasa sidang kemuncak itu berlangsung dan di akhir sidang hari itu, Malaysia mencatatkan kejayaan besar.

Beliau bercakap mengenai ketidak berkesan serangan terhadap Afghanistan yang telah menyebabkan kematian orang awam termasuk kanak-kanak dan sehingga ini tiada bukti yang mengaitkan Taliban atau orang-orang yang bertanggungjawab bagi serangan 11 Sept ditangkap atau dibunuh.

Pengerusi sidang kemuncak itu, Sultan Hassanal Bolkiah, mengeluarkan satu pernyataan kemudian yang antara lain meminta satu seminar multilateral bagi respons kecemasan terhadap ancaman pengganas, memerangi keganasan secara menyeluruh dan kenal pasti punca utamanya.

"Terdapat sedikit perbezaan dalam pandangan kita mengenai keganasan. Saya rasa serangan udara perlu dihentikan segera di Afghanistan tetapi yang lain tidak mengutarakan pandangan yang tegas," kata Dr Mahathir sebelum pulang ke tanah akhir semalam.

"Bagaimanapun, saya gembira dengan keputusan di sidang kemuncak itu," kata beliau lagi.

"Ada yang tidak mahu menghampakan Amerika Syarikat khasnya Singapura dan Filipina kerana implikasi ekonomi dan mereka lebih bimbang dengan masalah ekonomi dalam negeri," kata seorang perwakilan Asean yang tidak mahu namanya disiarkan.

Beliau berkata Dr Mahathir berjaya memujuk pemimpin-pemimpin Asean supaya menyokong seminar mengenai keganasan dan satu mesyuarat

Menteri-menteri Khas Asean Mengenai Jenayah Merentasi Sempadan, yang menumpukan pada keganasan akan berlangsung di Kuala Lumpur April depan.

Walaupun ketiadaan respons kolektif terhadap tindakan Amerika, Malaysia "cukup berani" untuk meminta kuasa tentera dunia -- Amerika Syarikat -- supaya menghentikan tindakannya terhadap Afghanistan.

-- BERNAMA

DC DC AAM PR